

04/12/1997

Umat Islam diminta amal tabiat membaca

mir Bakar

LANGKAWI, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta masyarakat Islam mengamalkan tabiat suka membaca bagi menambah ilmu seperti yang disarankan oleh al-Quran.

Perdana Menteri berkata sesuai dengan ayat pertama diturunkan, iaitu Iqra yang meminta umat membaca, orang Islam sepatutnya mengamalkan ajaran yang meminta umatnya banyak membaca bagi menambah ilmu pengetahuan.

Bagaimanapun, ramai umat Islam yang sering mentafsirkan ayat al-Quran secara sempit dengan hanya menumpukan perhatian membaca al-Quran dan kitab yang berkaitan agama saja.

"Ayat Iqra memang jelas menyuruh orang Islam lebih banyak membaca. Tetapi kita sering membuat tafsiran secara sempit dengan hanya membaca kitab dan al-Quran sahaja, manakala yang lain tidak perlu.

"Kita perlu kurangkan tafsiran sempit mengenai ajaran Islam supaya kita menjadi bangsa yang maju dan berilmu untuk menangani pelbagai masalah dalam kehidupan," katanya ketika merasmikan Kampung Buku Malaysia, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan beberapa menteri Kabinet yang sebelum itu mengadakan mesyuarat Kabinet di Gunung Raya.

Kampung Buku Malaysia di Lubuk Semilang, di sini adalah kampung buku ketujuh di dunia dan ke-19 jika digabungkan kampung buku dengan pekan buku.

Terletak dalam kawasan hutan, Kampung Buku Malaysia yang diilhamkan Kerajaan Kedah mengikut konsep kampung buku di Eropah bakal mempunyai hubungan dengan 25 juta pengunjung Kampung Buku di seluruh dunia setiap tahun.

Antara kampung buku lain ternama ialah di Redu, Belgium manakala pekan buku pula di Bredevoort, Belanda. Kampung buku pertama diasaskan 25 tahun dahulu di Hay-on-Hye yang terletak di sempadan England dan Wales.

Fasa pertama di kawasan seluas 12 hektar mengandungi enam rumah yang menempatkan pengedar buku dan bakal mempunyai 36 rumah lagi apabila pembangunan seterusnya dilaksanakan secara berperingkat.

Dr Mahathir berkata, bagi menambah ilmu, rakyat perlu banyak membaca dan membuang segala bentuk ilmu lapuk yang ada dalam pemikiran bagi digantikan dengan maklumat dan pengetahuan baru.

Sehubungan itu, pembinaan Kampung Buku Malaysia diharap menukar pandangan rakyat mengenai ilmu dan membolehkan mereka mendapatkan pelbagai buku untuk menambah ilmu.

Beliau berkata, selain menarik lebih ramai pelancong ke Langkawi, kampung buku memberi peluang kepada rakyat bercampur gaul dengan ulat buku dari seluruh dunia yang bakal mengunjunginya.

Sementara itu, Sanusi dalam perutusannya pada buku cenderamata sempena pelancaran kampung buku itu, berkata kampung itu mempunyai enam 'rumah', masing-masing digunakan oleh penerbit buku seperti Dewan Bahasa dan Pustaka.

(END)